Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Berita Minggu, Ahad, 11 October, 1981

# Bahasa Kebangsaan: Tiada tolak ansur lagi

MENYAMBUT perayaan Jubli Perak 25 tahun Dewan Bahasa dan Pustaka amatlah membanggakan, walaupun wang banyak dihembur untuk mengelus mesra segala detik-detik suka duka selama suku abad itu. Tapi, elusan yang nostalgik ini memang perlu dibuat memandangkan bahawa sudah ada tanda-tanda sikap negatif terhadap kedaulatan dan status Bahasa Malaysia sekarang.

Aneh bin Ajaib, sejak kerajaan meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan tahun 1967 untuk mendaulatkan bahasa nasional, kita dapati cabaran terhadap Bahasa Kebangsaan tidak juga berkurangan.

Sejak tahun 1967, Bahasa Malaysia terus berkembang dan diberi segala galakan dan tunjangan untuk menjadi Bahasa Nasional yang sebenarnya. Tapi, rupa-rupanya di tengah-tengah sepak terajang politik, kerakusan berkuasa, yang kadang-kadang bersifat terlalu toleran, maka kedaulatan Bahasa Malaysia itu kian tercabar.

Yang mencabarnya pula bukan saja golongan abang adik dalam Barisan Nasional sendiri, tetapi juga di kalangan kakitangan kerajaan yang sepatutnya menjadi pelaksana dasar kebangsaan tersebut.

Di tengah-tengah jeritan semangat kebangsaan melalui bahasa nasional, ada setengah kementerian dan jabatan kerajaan mengiklankan 'tender' dan iklan-iklan lainnya dalam bahasa Inggeris untuk akhbar-akhbar berbahasa Inggeris.

Barangkali ada orang menganggap pandangan saya sempit dan berbau 'perkauman' (satu klise yang murah dalam jargon politik yang murah dewasa ini), seolah-olah saya ingin 'menghapus' langsung penggunaan bahasa Inggeris. Tapi, bagi mereka yang ikhlas dalam meningkatkan keazaman bangsa dan hasrat nasional, tentulah berasa bimbang terhadap unsur-unsur negatif yang cuba diketengahkan dalam soal bahasa.

Justru itu, satu sikap revolusi budaya perlu wujud — bukan saja di kalangan rakyat jelata, tetapi terlebih dahulu harus dipraktikkan oleh para menteri, wakil-wakil rakyat yang berkecimpung dalam dunia kekuasaan itu. Jangan hanya minta rakyat mengamalkan penggunaan Bahasa Malaysia setiap waktu, kalau masih ada bapak menteri yang masih belum lancar berbahasa nasional, walaupun masa yang sekian lama telah diberi untuk membentuk jiwa dan semangat mereka dengan cita-cita nasional.

Mentaliti para pemimpin perlu terlebih dahulu diubahsuaikan dengan hasrat nasional sebagai manifestasi dari hasrat rakyat tersebut. Penggunaan Bahasa Malaysia jangan dijadikan bola politik untuk memancing undi dan melipatgandakan pengaruh seseorang dalam sesuatu parti politik tertentu.

Kedaulatan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi yang tunggal mesti dijadikan satu kenyataan — tanpa pujuk rayu dan tolak-ansur lagi.

Walau pun kita sedar bahawa ker[illegible]an kita ingin men[illegible]alakkan penguasa[illegible]asa Inggeris di ka[illegible]an rakyat yang berb[illegible]g bahasa dan bang[illegible] tanahair ini, nam[illegible]anganlah menjadik[illegible] kempen penggalak[illegible]ahasa Inggeris men[illegible]ai cita-cita nasio[illegible]. Bangsa yang ber[illegible]uah dan berdaulat [illegible]ah bangsa yang ber[illegible] dengan bahasa na[illegible]alnya dalam segal[illegible]ang didup.

Memang [illegible]ita ingin membe[illegible] satu rupabangsa [illegible]aysia yang baru, yang [illegible]a gagah dan [illegible] menyenangkan. Tapi, dalam pembe[illegible]an rupabangsa [illegible]laysia itu mestilah [illegible]dasarkan pada asa[illegible] nasional yang berte[illegible]an iklim wilayah d[illegible]ribumi di sini dan b[illegible] sesuatu yang did[illegible]an dari negara as[illegible]anya atas kudrat baha[illegible] kita ingin menjadi [illegible] 'internasional'.

Kita tida[illegible]rlu menjadi manu[illegible] 'internasional' kalau [illegible] terpaksa menjadi [illegible]ngemis budaya di [illegible]ahair kita sendiri. Ki[illegible]ga tidak perlu tokoh[illegible] politik yang ban[illegible]akap dan tidak ber[illegible] hanya atas kudr[illegible]mbangunan se[illegible] tanpa meng[illegible]yati kegersang[illegible] budaya bangsanya [illegible]diri.

Kita jug[illegible]dak mahu mendeng[illegible] ataupun membaca [illegible] jabatan-jabatan [illegible]rajaan, maupun [illegible]uh kerajaan yang [illegible]yani surat-surat d[illegible] bahasa lain, seola[illegible]ah kerajaan kita [illegible]ak mempunyai satu dasar yang tegas dalam soal penggunaaan bahasa.

Dengan kata lain, kita memerlukan kerajaan yang berdisiplin dengan tindakannya yang tegas dan tiada tolak ansur terhadap semua dasar-dasar nasional.

Sudah lama kita menjelajah dalam gelombang ribut politik di mana para pejuang bahasa telah banyak berkorban. Perjalanan kita terlalu panjang dan kita tidak boleh surut kembali oleh kerana silap langkah setengah para pemimpin politik dan budaya kita di masa lampau.

Lantaran adanya kempen kemahiran berbahasa Inggeris, kini sudah kembali timbul semacam 'intellectual snobs' di kalangan masyarakat Malaysia untuk mengagung-agungkan bahasa Inggeris. Nampaknya akhbar-akhbar berbahasa Inggeris lebih banyak diberi perhatian oleh segolongan masyarakat dan kaum berokrat, seolah-olah akhbar-akhbar itu yang menentukan arah perspektif budaya kita.

Tambahan pula, nampaknya, para politikus lebih banyak memberi perhatian terhadap akhbar-akhbar tersebut, seolah-olah mereka lebih yakin terhadap pemberitaan ataupun laporan dalam bahasa Inggeris. Ataupun apakah mereka juga dijangkiti penyakit "brown skin white mask"?

Pentadbiran baru di bawah Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam akan diuji kegigihan mereka untuk memberi status dan martabat yang sewajarnya kepada Bahasa Malaysia.

Baik dalam foram antarabangsa, maupun yang bersifat kebangsaan, para pemimpin negara patutlah menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan seluas-luasnya. Usah kita bimbang tentang ketidakfahaman para perwakilan dari Britain, Amerika maupun dari Afrika dan Arab. Ucapan penting dari para pemimpin kita mesti dibuat dalam Bahasa Malaysia dan terjemahannya bolehlah diberikan kelak kepada para wakil dan juga akhbar. Yang penting, para pemimpin dan para menteri mesti mempunyai semangat kebangsaan yang kuat serta bermaruah tinggi demi mengekalkan peribadi bangsa kita.

Mitos tentang ketidakmampuan bahasa sendiri sudah usang. Malah mitos ini sengaja diperbesar-besarkan oleh mereka yang seluruh nadi dan degup jantung dibius oleh kebanggaan budaya Barat, sehingga mereka hilang kepercayaan terhadap kemampuan bahasa sendiri.

Kita tidak mahu bangsa kita dininabobo oleh orang-orang seperti ini lagi. Mereka mempunyai kelemahan yang menjolok, iaitu kemandulan pengetahuan yang mendalam terhadap bahasa ibunda dan bahasa nasional mereka sendiri.

Orang-orang seperti inilah yang sengaja melambat-lambatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam semua kegiatan pentadbiran dan pengetahuan. Mereka menganggap Bahasa Malaysia tidak boleh digunakan dalam mahkamah maupun untuk pengajaran sains dan teknologi, oleh kerana mereka sendiri jahil dalam penguasaan Bahasa Nasional itu.

Apakah kejahilan seseorang itu boleh dijadikan ukuran tentang kelemahan bahasa nasional?

Pokok pangkal terletak pada sikap seseorang. Kalau seseorang itu mengambil sikap negatif terhadap penggunaan Bahasa Nasional, maka itu bukanlah satu faktor yang patut dinilai dari segi perkembangan dan kedaulatan bahasa kita. Yang penting, pelaksanakaan dasar kebangsaan itu mesti diteruskan dan mahu tidak mahu mereka yang bersikap negatif terpaksa juga dibawa oleh semangat kebangsaan tersebut.

Tapi, sekiranya kerajaan masih terumbang-ambing oleh semangat negatif yang ditunjukkan oleh sebahagian kecil dari kaum berokrat, ahli professional dan juga rakan-rakan abang adik dalam Barisan Nasional, maka selama itulah kita tidak dapat mencari penyelesaian terhadap perkara yang sudah sepatutnya selesai. ■

---

☐ Hormat berlebihan terhadap bahasa bekas penjajah menyulitkan usaha mengangkat Bahasa Malaysia ☐

☐ Sejak kerajaan meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan tahun 1967 untuk mendaulatkan Bahasa Nasional, cabaran tidak juga berkurangan ☐

☐ Kita memerlukan kerajaan yang berdisiplin dengan tindakannya yang tegas dan tiada tolak ansur terhadap semua dasar nasional ☐

Bila elita kita terusan mengurungkan diri dalam bahasa Inggeris, mereka akan tetap terputus komunikasi dengan rakyat jelata.

---

...ini.

Apakah tidak mungkin pemanfaatan beberapa dasar tertentu boleh akan mengesankan penggunaan berbahasa pengguna-penggunanya dengan baik.

'TANDA DAN IKLAN

...ulatannya diperkecil

...sa
...h d...

■ Para pengunjung dari